



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### **MOHD. FAZARI MOHD. SALLEH KETUA PENGARAH BAHARU JKM, ROSMAHWATI ISHAK TIMBALAN KETUA PENGARAH (STRATEGIK)**

**PUTRAJAYA, 10 Januari** – Tuan Haji Mohd. Fazari bin Mohd. Salleh dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang baharu menggantikan Dato' Zulkipli bin Ramli berkuat kuasa 10 Januari hari ini.

Dato' Zulkipli bin Ramli yang telah berkhidmat hampir tiga tahun sejak 30 Mac 2015 sebagai Ketua Pengarah, bersara wajib berkuat kuasa 30 Oktober 2017.

Mohd. Fazari bin Mohd. Salleh, 58, merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Ekonomi) dari Universiti Sains Malaysia, dan Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Maklumat dari Universiti Teknologi MARA. Beliau menyertai perkhidmatan awam sebagai Pegawai Kerani Am (Sementara) pada 12 Februari 1981 dan seterusnya Pegawai Kerani Am Tingkatan Biasa (Tetap) setahun kemudian di Jabatan Perdana Menteri, dan berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) JKM sejak 9 Mac 2015.

Pelantikan beliau dibuat berdasarkan prestasi serta pengalaman luas di JKM, di samping pengetahuan serta kredibiliti yang dimiliki membolehkan beliau menerajui kepimpinan di Jabatan.

Sementara itu, Rosmahwati binti Ishak, 47, dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Strategik) JKM menggantikan Tuan Haji Mohd. Fazari bin Mohd. Salleh pada 10 Januari 2018.

Rosmahwati berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Sains Kemasyarakatan) dari Universiti Kebangsaan Malaysia, dan Ijazah Sarjana Pendidikan (Bimbingan & Kaunseling) dari Universiti Teknologi Malaysia. Beliau mula menyertai perkhidmatan awam sebagai Pegawai Pembangunan Masyarakat S3 di Jabatan Kebajikan Masyarakat pada 1 Julai 1995.

Diharapkan dengan pelantikan ini dapat membawa JKM ke satu dimensi baharu dalam pengurusan hal-ehwal kebajikan di Malaysia.

Disediakan Oleh : Unit Perhubungan Awam  
Jabatan Kebajikan Masyarakat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga  
dan Masyarakat  
Tel : 03-8323 1773  
Faks : 03-8323 2086